

# Dedahkan Pemimpin Muda aktiviti berkebun



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang 'Peace Day Quiz Online 2020', Dayang Nur Fathiah Irdina binti Haji Annuar dari Sekolah Arab Belait.

**BERAKAS**, Rabu, 7 Oktober. - Projek Memperkasakan Pemimpin Muda Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) merupakan projek khusus yang melibatkan penyertaan seramai 32 Pemimpin Muda dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir bagi melancarkan projek tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Antara tujuan projek tersebut diadakan ialah bagi membolehkan para pemimpin muda berkenaan melakukan aktiviti berkebun di batas-batas tanaman yang tersedia di pekarangan Ibu Pejabat PPPBD.

Aktiviti tersebut turut mendedahkan mereka kepada aktiviti-aktiviti penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, di samping mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan meningkatkan perasaan muhibah dalam kalangan mereka.

Sejurus selepas majlis pelancaran berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan meninjau lebih dekat batas-batas tanaman yang sudah boleh dituai hasilnya, seperti sayur kacang panjang, timun dan petola, serta menyaksikan para Pemimpin Muda UNISSA dari persatuan berkenaan menyediakan batas-batas untuk tanaman baharu.

Projek antara lain bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan potensi serta kemahiran para ahli, khususnya Pemimpin Muda dalam PPPBD. Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah oleh Yang Berhormat kepada para pemenang 'Peace Day Quiz 2020' yang dijalankan secara dalam talian pada 11 September yang lalu. Peserta kuiz sempena Hari Kedamaian Sedunia tersebut turut menerima penilaian kemahiran praktikal pada 7 Oktober lalu sebelum terpilih menjadi pemenang.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan) Haji Abdul Halim; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD; dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Sukan.

**Berita dan Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman



**YANG** Berhormat meninjau lebih dekat lagi batas-batas tanaman yang diungkuhkan oleh para Pemimpin Muda dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada Projek Memperkasakan Pemimpin Muda Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan) Haji Abdul Halim; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD; dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Sukan.

# COVID-19 : Catat 154 hari kes sifar

## Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 146 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa alhamdulillah, setakat ini, Negara Brunei Darussalam mencatatkan Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	146		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	143

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan terakhir tempatan dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (154 hari yang lalu)	5 Kes

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
334	6,649

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
594 sampel	61,209

jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 143 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di mana seramai 334 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 6,649 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 594 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 61,209 ujian.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan, bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-CoV-2 (*swab test*), terutama sekali bagi mereka yang ingin membuat perjalanan ke luar negara, hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-CoV-2 sekurang-kurangnya tiga hingga lima hari sebelum tarikh penerbangan mereka, iaitu tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju.

Hasil bagi ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 *swab* bagi perjalanan ke luar negara, bolehlah mendapatkan ujian tersebut di lokasi dan waktu seperti berikut, iaitu di Pusat Kesihatan Berakas, waktu operasi, Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 2.00 petang

Lokasi	Hari Beroperasi	Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19
Pusat Kesihatan Berakas	Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – lihat di bawah)	8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang
	Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam	2:00 petang – 5:30 petang
Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam	7.00 pagi – 10.00 malam

hingga 4.00 petang.

Manakala pada Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam, waktu operasi bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.30 petang.

Di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, waktu operasi dibuka setiap hari, mulai jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam, tetapi kompleks akan

ditutup pada hari kelepasan awam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

## Selamatkan Usus Awda.

### Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.